



IKLAN JAWATAN KOSONG JABATAN BENDAHARI, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jabatan Bendahari, UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

Jawatan : Penolong Juruukur Bahan JA5

Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Kontrak

SYARAT LANTIKAN

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i. Sijil Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - ii. Diploma Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

- a) Berkebolehan dalam menggunakan dan mengaplikasikan data Building Cost Information Services Malaysia adalah satu kelebihan;
- b) Boleh bekerja secara berkumpulan serta menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan oleh Ketua Bahagian/Projek di bawah pengawasan minimum;
- c) Boleh menggunakan *Microsoft Word, Excel* dan *Powerpoint* dengan baik;

- d) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- e) Bersedia menerima arahan kerja lebih masa (sekiranya diperlukan);
- f) Bersedia untuk bekerja di lapangan/luar bandar (sekiranya diperlukan);
- g) Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib dan bebas dari pertuduhan mahkamah; dan
- h) Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya satu (1) tahun. Walau bagaimanapun, calon yang baru menamatkan pengajian digalakkan untuk memohon.

DESKRIPSI TUGAS

- a) Bertanggungjawab dalam penyediaan dan pemurniaan Jadual Kadar Harga secara berkala setiap dua (2) tahun;
- b) Berkeupayaan membangunkan Jadual Kadar Harga yang baru selaras dengan kerja-kerja yang dilaksanakan di UKM;
- c) Bertanggungjawab membantu semakan kos yang disediakan oleh PTj di bawah Lantikan Terus, Sebutharga dan Tender;
- d) Berkeupayaan mengemaskini kompilasi data bagi kadar harga bahan binaan secara berkala;
- e) Bertanggungjawab mengemaskini data kadar harga dan kos dalam Pangkalan Data Kos UKM;
- f) Bertanggungjawab membantu semakan kos bagi kadar Arahan Perubahan Kerja dan Wang Peruntukan Sementara sebelum kelulusan Jawatankuasa; dan
- g) Berkeupayaan dalam semakan dokumen tender dan kontrak.

CARA MEMOHON

Calon yang berminat dan berkelayakan, sila lengkapkan **maklumat diri** dan hantarkan **resume/CV terkini serta salinan sijil akademik** pada pautan berikut:

<https://forms.gle/EDnLRVwohFLH7XDz6>



Sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian 03-8921 3399/ 5134 atau emel kepada pentadbiranjendahari@ukm.edu.my.

Tarikh Tutup Permohonan : 12 September 2025 (Jumaat)

Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil menghadiri sesi temubual. Sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumat selepas **satu (1) bulan** dari tarikh tutup permohonan, calon dianggap gagal melepassi saringan pertama.